

# Mula sebagai **kontraktor kecil**

Shamsul Nizam kini boleh berbangga miliki kilang bekal aluminium dan kaca

NOR AZURA MD AMIN

Jika 21 tahun dahulu, Shamsul Nizam Sawal, 44, hanyalah seorang kontraktor kecil yang melakukan kerja-kerja pendawaian elektrik di sekitar Pekan Nanas dan Pontian.

Namun berkat kesungguhan dan kegigihan, penerima pinjaman Majlis Amanah Rakyat (Mara) ini kini bergelar usahawan berjaya yang mampu melakukan kerja-kerja kontrak pembekalan bahan aluminium dan kaca bernilai jutaan ringgit.

Nyata keputusan berhenti kerja sebagai pembantu jurutera tidak sia-sia, apabila dia kini mampu tersenyum melihat kilang aluminium dan kaca miliknya berdiri teguh di Batu 28, Pekan Nanas, Pontian.

Bagaimanapun di sebalik kejayaan yang ditempa itu, Shamsul Nizam mengakui berdepan pelbagai cabaran getir terutama dari segi modal memandangkan dia tidak pernah membuat sebarang pinjaman daripada pihak bank.

"Saya bermula dengan melakukan kerja-kerja pendawaian elektrik selepas berhenti kerja pada 1996.

"Dengan modal sebanyak RM10,000 hasil duit simpanan dan sedikit wang yang dipinjam daripada ibu bapa, saya beli perkakas pendawaian elektrik dan sebuah van," kata pemegang Ijazah Kejuruteraan Elektrik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ini.

Bapa enam cahaya mata ini berkata, disebabkan modal terhad, dia berdepan kesukaran untuk mendapatkan kontrak.

"Kena rajin bertanya untuk dapatkan kerja kontrak. Saya selalu ke tapak projek perumahan untuk bertanya jika mereka perlukan tukang pendawaian elektrik.

"Ketika itu, saya sedar banyak pesaing memandangkan ramai kontraktor yang melakukan kerja-kerja pendawaian elektrik," katanya.

Akuinya, dia juga pernah ditipu namun menganggapnya sebagai ujian yang memerlukan dia lebih berhati-hati untuk terus kekal dalam bidang perniagaan tersebut.

## Tukar perniagaan

Tidak mahu terus dirudum ke-kangan mendapatkan kontrak, dia kemudiannya nekad menukar perniagaan kepada aluminium dan kaca pada 2001.

Melihat potensi perniagaan itu cukup baik memandangkan tidak



Keadaan di dalam kilang milik Shamsul Nizam di Batu 28, Pekan Nanas.

ramai usahawan yang menceburi bidang tersebut.

"Sewaktu terlibat dengan kerja-kerja pendawaian elektrik di tapak projek perumahan, saya lihat tak ramai usahawan Melayu terlibat dengan perniagaan aluminium dan kaca.

"Dari situ, saya dapat idea untuk beralih kepada perniagaan itu," katanya.

Tidak mahu menoleh ke belakang, dia kemudiannya mencari pekerja yang berpengalaman dalam bidang berkenaan.

"Aluminium dan kaca banyak berkait dengan rumah. Sebagai contoh, tingkap, pintu dan siling. Untuk membuat tingkap rumah banyak proses perlu dilalui termasuk membuat bingkai dahulu daripada aluminium," katanya.

Bermula dari kontraktor kelas F yang melakukan kerja-kerja kontrak aluminium dan kaca di bawah

RM200,000, perniagaannya semakin maju sehingga berjaya menempatkan diri sebagai kontraktor kelas A pada hari ini.

"Sedikit demi sedikit saya mengorak langkah beranikan diri ambil kerja-kerja kontrak yang lebih besar sehingga mencecah jutaan ringgit.

"Antara projek yang dikendalikan syarikat saya seperti di Balai Polis Pontian dan Pengerang, Balai Bomba Taman Universiti Skudai, Komtar JBCC, Kuarters Kastam Johor Bahru, UTHM Pagoh, Projek Perumahan Mutiara Rini dan PPR Sungai Melana Perling," katanya.

## Pinjaman Mara sangat membantu

Bagi Shamsul Nizam, pinjaman Mara yang diterima sejak 1998 disifatkan sebagai talian hidup buatnya untuk terus mengorak langkah dalam bidang perniagaan.

Menurutnya, nilai pinjaman

Shamsul Nizam menunjukkan bingkai aluminium yang dibuat di kilangnya.

yang dibuat sehingga kini bernilai RM570,000.

"Bermula dengan pinjaman RM20,000 daripada Mara, kemudiannya saya diberi kemudahan untuk buat pinjaman seterusnya dengan nilai RM50,000.

"Alhamdulillah saya dapat lunaskan pinjaman ikut tempoh yang ditetapkan pihak Mara," katanya.

Katanya lagi, dia tidak pernah memandangkan remeh soal pengurusan dan akuan syarikat kerana perkara tersebut menjadi antara fokus pihak Mara untuk memberi pinjaman.

"Orang selalu cakap susah nak buat pinjaman lebih-

lebih lagi dengan agensi kerajaan seperti Mara. Tapi bagi saya, jika kita ada pengurusan, akaun dan kertas kerja yang betul, tidaklah susah mana," katanya.

Menurut Shamsul Nizam, dia bakal menerima pinjaman RM1 juta daripada pihak Mara, namun perlu melalui sesi pembentangan kertas kerja di Bangunan Mara Kuala Lumpur dalam masa terdekat ini.

Dia berharap jejak langkahnya bergelar usahawan dapat diikuti generasi muda.

"Saya akui bukan mudah untuk senang. Tapi jika tidak berubah dan berusaha mana mungkin dapat hasilnya," katanya.



Shamsul Nizam menunjukkan tingkap kaca yang siap diproses.

Kerja-kerja memotong aluminium.



Pekerja sedang mengukur untuk membuat bingkai tingkap.